

01/10/1998

Dr Mahathir akan runding lantik timbalan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan berunding dengan rakan-rakannya dalam Umno sama ada perlu dilantik seorang Timbalan Perdana Menteri bagi menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, walaupun sebelum ini beliau sudah menyatakan yang timbalannya tidak akan dilantik sehingga selesai pemilihan Umno, soal melantiknya sekarang adalah sesuatu yang perlu dirundingkan.

"Ini sesuatu yang saya perlu berunding dengan rakan-rakan dalam Umno. Saya bertanggungjawab berunding dengan mereka," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan negara menghadapi ketidakstabilan politik atau tidak melalui proses pemindahan kuasa secara lancar jika apa-apa berlaku kepada Perdana Menteri kerana ketiadaan Timbalan Perdana Menteri sekarang ini.

Pemilihan Umno dijadualkan lewat tahun depan dan dengan pemecatan Anwar, Umno kini tidak mempunyai Timbalan Presiden yang secara tradisinya menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sambil mengulangi bahawa hasratnya untuk bersara penghujung tahun ini terpaksa ditangguhkan kerana krisis ekonomi serantau, Dr Mahathir berkata, keputusan itu dibuat kerana usia beliau sudah menjangkau 73 tahun, di samping mengambil kira keadaan kesihatannya sekarang.

"Jika berlaku apa-apa terhadap saya, maka Umno sebagai parti yang mempunyai paling banyak wakil dalam Parlimen, perlu memilih seorang ketua untuk dilantik sebagai Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir berkata, Anwar sebenarnya paling layak mengambil alih sebagai Perdana Menteri, tetapi selepas beliau yakin bekas timbalannya itu tidak layak dari segi moral, beliau terpaksa melucutkan jawatan Anwar dengan segera.

Menurutnya, perbuatan yang dilakukan oleh Anwar, sekali gus memaksanya mengambil tindakan tegas secara serta-merta tanpa perlu menunggu Sukan Komanwel XVI tamat dan ekonomi negara pulih.

"Saya tidak boleh tunggu lagi kerana jika sesuatu berlaku kepada saya, dia akan menjadi Perdana Menteri negara ini," katanya.

(END)